

Headline	Aplikasi WF+ Mesiniaga tarik 1,000 pekerja bergerak		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	20 Sep 2018	Color	Black/white
Section	Business & Finance	Circulation	45,554
Page No	B7	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 534
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,602



Aplikasi WF+ Mesiniaga tarik 1,000 pekerja bergerak

KUALA LUMPUR: Aplikasi **Mesiniaga** Workforce plus (WF+) yang diperkenalkan Mesiniaga Bhd untuk membolehkan organisasi menguruskan dan mengoptimum produktiviti kini membantu lebih 1,000 pekerja bergerak di Malaysia.

Pengurus Besar (Produk dan Penyelesaian) Eric Foo berkata WF+ membantu meningkatkan fungsi lokasi, status penggunaan dan ketersediaan sumber, penghantaran tugas, borang digital dan ciri-ciri lain yang boleh disesuaikan mengikut keperluan organisasi.

“Aplikasi WF+ akan membuatkan organisasi lebih bersedia untuk meningkatkan

produktiviti melalui keupayaan kebolehlihatan, pendigitalan dan automasi.

“Penyelesaian ini memberikan lapisan kebolehlihatan yang tidak tertanding dalam operasi seharian di mana ia memastikan komunikasi berkenaan pengalaman dan maklumat di lapangan dilaporkan ke pejabat tepat pada masanya dan dengan itu mengurangkan keperluan laporan kerja manual,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Katanya, selain WF+, Mesiniaga akan terus meningkatkan penawaran perkhidmatan perisian ‘SaaS’ melalui kerjasama dengan penyedia

aplikasi strategik sebagai perkhidmatan tambahan kepada perkhidmatan pengkomputeran awan dan bidang keselamatan siber yang ditawarkan.

“Melalui misi ‘Membantu Pelanggan Berjaya’, kami komited untuk menyokong perjalanan transformasi digital pelanggan dan memastikan tahap produktiviti terbaik untuk para pekerja bergerak melalui pendigitalan dan automasi,” katanya.

Mesiniaga menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan IT dengan sokongan pelbagai syarikat teknologi antarabangsa yang terkenal sejak ditubuhkan pada 1981. - Bernama